

# MELIHAT AMERIKA DARI JAUH

## Ahmad Hussein BERJALAN KE SELATAN AMERIKA

Saya bertolak dar Washington dalam perjalanan ke Richmond, dalam jajahan Virginia, pada pukul empat petang. Inilah kali yang pertama saya mulai berjalan jauh dari Washington ke kawasan selatan Amerika Syarikat. Saya cukup tahu bahawa dalam kawasan selatan ada perbezaan kulit-kulit dalam bahasa Inggeris digelar “*Color Discrimination*”. Tetapi saya juga cukup bersedia menempuh apa-apa kesulitan terhadap diri saya terbit daripada perbezaan yang tersebut. Saya mengambil sikap bahawa saya seorang musafir, dan seorang musafir, sebagaimana juga seorang yang keluar mengadu nasib mendaki gunung yang tinggi, atau yang masuk ke dalam hutan belantara, mestilah menjangka akan menempuh kesukaran-kesukaran dalam perjalanan. Kesukaran-kesukaran ini akan diterima sebagai perkara yang biasa dan adat dunia dan ikhtiar saya ialah menjadikan kesukaran-kesukaran itu perkara-perkara pengalaman dan pengetahuan.

Saya tiba di bandar Richmond pada pukul tujuh sepuluh minit waktu malam. Saya boleh meneruskan perjalanan ke bandar Atlanta dalam jajahan Georgia. Tetapi saya telah berhajat hendak tidur semalam di Richmond oleh kerana besok dalam perjalanan ke bandar Atlanta saya terpaksa berada dalam kereta bas selama lebih kurang lapan belas jam. Turun dari bas dan lepas makan di kedai stesen bas itu saya pun membawa neg lalu mencari hotel. Hotel yang mula-mula saya jumpa di situlah saya masuk dan manakala saya melangkah sahaja masuk ke dalamnya mengangkut begitu saya yang tidak berapa ringan itu dengan serta merta budak-budak

bangsa Amerika yang bekerja di situ telah datang mendapatkan saya lalu mengambil beg itu dari tangan saya. Lepas saya mendaftarkan nama saya pun dibawa naik lipat pergi ke bilik. Bilik itu besar, elok perhiasannya, katil pun besar, dan di atas sebuah meja saya lihat ada sebuah kitab Injil. Pada malam itu saya telah tidur dengan hati yang cukup lapang dan senang. Pada pagi-pagi esok saya keluar dari hotel Juan Marshall itu kerana hendak menunggu bas ke Atlanta. Kerani yang menjaga di hotel itu telah hairan melihat saya keluar pagi-pagi itu lalu bertanya saya tak mahukah melihat-lihat bandar Richmond. Saya menyatakan dukacita saya tak dapat membuat demikian kerana saya hendak berjalan jauh ke selatan Amerika Syarikat. Jika saya balik katanya singgahlah di hotel itu sekali lagi. Di sini



*Satu Pemandangan yang indah di kawasan yang bernama Shenandoa Valley Virginia.*

sedikit pun saya tak berasa kena beza. Di stesen bas di sini dan lain-lain stesen bas dalam kawasan selatan tempat orang Amerika bangsa putih berasing daripada tempat orang Negro, dan dalam bas tempat orang-orang Negro ialah di belakang.

Dalam perjalanan dari bandar ruhani saya telah beruntung dapat bercakap-cakap dengan seorang Amerika yang sudah berumur lagi ramah orangnya. Daripada percakapan itu saya mengambil kesimpulan bahawa ia bersikap konservatif atau daripada orang yang berfahaman tua. Pengetahuan orang ini luas dan dikiranya menurut lunas-lunas hujah yang dikemukakan olehnya tidaklah boleh dikatakan fikiran yang karut, Ia berkehendakkan Amerika menjaga dirinya sendiri dan jangan campur hal perkara orang lain.

Kami bercakap fasal makanan. Nampaknya ia sangat tak suka dengan makanan orang Carolina Utara. Ia telah bercakap berkenaan dengan bandar-bandar yang telah tumbuh seperti cendawan di California pada masa ia masih muda dahulu manakala beberapa banyak orang telah berebut-rebut mencari emas.

Pada satu tempat kami telah melalui kebun buah peach dan di tepi-tepi jalan ada orang menjual buah-buah ini. Dan satu itu dijual dalam kotak-kotak kayu yang kecil, dan satu kotak harganya 25 Sen. Saya pun membeli sekotak dan sampai Atlanta barulah habis saya makan buah itu. Kebun-kebun buah pic saya lihat banyak di selatan, dan pohon-pohon pada masa itu penuh dengan buah.

Bas kami itu, iaitu bas Inggeris yang berjalan terus dari Richmond ke Atlanta dan New Orleans, telah sampai di bandar Atlanta pada pukul 12 tengah malam. Saya turun di sini lalu berjalan mencari hotel, sekejap sahaja saya nampak iklan sebuah hotel yang bernama "Travellers Hotel" dan dengan tidak lengah lagi saya pun menuju ke hotel itu. Apabila saya masuk ke dalam saya dapati



*Di bandar New Orleans setahun sekali ada keramaian yang pertama Mardi Gras. Gambar di atas menunjukkan perarakan dalam keramaian itu melalui jalan raya Canal Street. Orang dari seluruh Amerika pergi ke New Orleans kerana hendak menyaksikan keramaian itu.*

orang yang menjaga seorang yang pertengahan umur yang matanya sudah mengantuk tetapi waktu itu ia sedang bebrual-bual dengan seorang rakannya. Kerana saya tak kuasa hendak berjalan-jalan mencari hotel malam itu saya sewa sahaja sebuah bilik di situ supaya dapat tidur. Tetapi, saya tak dapat tidur dan apabila sampai sahaja waktu pagi saya pun keluar dengan segera lalu mencari sebuah hotel lain. Saya pergi ke sebuah hotel yang bernama Georgia dan menyewa sebuah bilik di situ. Hawa di bandar Atlanta ini sangat panas sehingga badan sentiasa berpeluh, sekalipun kipas angin berputar dengan deras dalam bilik itu siang dan malam.


Bandar Atlanta ini ialah kepala jajahan Georgia dan mempunyai penduduk sebanyak lebih kurang 650,000 orang. Di sini masih boleh dilihat rumah-rumah buatan tuan-tuan kebun dahulu, atau yang dipanggil dalam bahasa Inggeris "Old Plantation House".

Saya telah pergi melihat "Stone Mountain" atau gunung batu yang letaknya beberapa batu dari bandar. Perjalanan

dari bandar ke tempat itu melalui kampung-kampung dan darat negeri ialah satu perjalanan yang sedap apabila sampai pemandu yang membawa kamu itu telah menunjukkan rupa-rupa orang yang telah diukir di atas muka batu yang besar itu.

Dari situ kami telah dibawa pergi ke Granuts Park. Kerana hendak melihat satu pertunjukkan yang dipanggil Cyclorama ini ialah pertunjukkan perjuangan Atlanta. Pertunjukkan ini diadakan dalam sebuah bangunan. Peraturan dan keadaan perjuangan cara contoh (model) atas sebuah pentas besar yang bulat. Kerana menerangkan contoh (model) yang dilihat itu seorang pensyarah telah memberi penjelasan atas tiap-tiap perkara yang dilihat di situ. Di Atlanta ini saya tak berjumpa barang seorang pun orang dari Asia, baik India, Arab, China atau pun Melayu. Pada masa itu nampaknya saya seorang sahajalah orang bangsa Asia. Bagaimanapun saya sedikit pun tidak berasa susah hati atau menempuh apa-apa kesukaran di bandar ini, lain daripada hawa panas yang sangat terik itu.

Lepas dua hari di Atlanta pada pukul dua pagi hari Rabu saya pun bertolak dari situ menuju ke New Orleans. Jauhnya dari Atlanta ke New Orleans itu ialah lebih kurang 450 batu dan bas yang saya naik itu berjalan terus, berhenti sekejap-sekejap sahaja kerana berehat di stesen-stesen di jalan. Akan tetapi oleh sebab dalam bas itu dipakai udara sejuk maka penumpang-penumpang di dalamnya tidaklah panas dan berpeluh kecuali berasa



*Jambatan Heuy P. Long yang panjang lagi tinggi ini menyeberang sungai Mississippi di New Orleans, letaknya 10 batu dari bandar.*

letih dan jemu kerana berjalan beratus-ratus batu dengan tak berhenti itu.

Dalam perjalanan itu yang kerap dilihat di kiri kanan jalan ialah ladang-ladang yang luas sejauh mata memandang, dalam pada itu ada beberapa banyak pula kebun-kebun buah peach, jika dipandang kepada ladang-ladang yang luas yang meliputi sebahagian yang besar Amerika Syarikat dari utara ke selatan dan dari Timur ke Barat maka zahirlah kepada kita bahawa penduduk-penduduk Amerika beberapa lama kehidupan payah akan menempah kekurangan makan atau kelaparan.

Lain daripada pandangan-pandangan alam yang cantik maka menurut rasa penulis tidaklah ada satu pandangan yang lebih menyukakan hati daripada bumi yang luas yang bertanam dengan jagung dan gandum, dan kawan-kawan lembu yang gemuk-gemuk serta kumpulan-kumpulan kambing meragut rumput di padang-padang. Melihat tanaman-tanaman yang subur dan binatang-binatang ternak yang sihat-sihat itu siapakah tiada berasa suka dalam hatinya bahawa ini ialah perkara-perkara yang memelihara kehidupan dan memberi tenaga kepada manusia?

Dalam perjalanan ke New Orleans itu saya telah dapat berkenal-kenalan dengan seorang muda peranakan negeri Czechoslovakia. Umurnya lebih kurang dua puluh lima tahun. Sekarang ini ia sudah menjadi seorang rakyat Amerika. Saya telah dapat berkenal dengan orang itu begini. Di satu tempat kami telah berhenti selama lima belas minit supaya dapat minum kopi atau koka kalau kerana melepaskan dahaga. Saya duduk dis sebuah meja dengan semangkuk kopi, dan saya sedang mencatatkan dalam buku kecil saya akan pandangan yang saya alami dalam perjalanan itu. Kemudian

saya lihat seorang muda hampir ke meja saya lalu duduk. Ia bertanya saya: "dari mana awak?" Saya menjawab saya dari New York. Ia bertanya pula: "Dari mana asal awak?" saya jawab dari Singapura, Tanah

Melayu. “Saya pun sangka awak dari Asia.” Katanya. Lepas itu kami pun berbual-bual dan ia telah menceritakan kepada saya sebabnya ia telah keluar dari Czechoslovakia. Ringkasnya kehidupan di negeri itu sudah menjadi sulit sekarang, tidak sebagaimana sebelum perang dahulu, kerajaan komunis menghadkan kebebasan. Dengan demikian menjadikan kehidupan orang seperti terikat. Nampaknya semasa ia Czechoslovakia ia telah menempuh beberapa bahaya. Di Amerika, katanya orang bebas bergerak-gerak mereka boleh pergi ke mana-mana mereka suka dari utara ke selatan dan dari timur ke barat.

Kami sampai New Orleans lebih kurang pukul dua. Hawa panas di sini terlalu terik sehingga badan tiada berhenti berpelug. Kawan baru saya itu telah membawa saya ke sebuah hotel yang sederhana sewanya lalu menyewa bilik di situ. Oleh sebab terlalu panas itu kipas tak berhenti berjalan, dan kami pun tidak memakai baju dalam bilik.

New Orleans dahulunya ialah milik Perancis dan bekas-bekas Perancis masih tinggal lagi dalam nama-nama jalan dan kawasan-kawasan itu serta adat-adat yang dipakai oleh keluarga-keluarga yang tua di situ. Seperti bandar-bandar lain di Amerika New Orleans juga ada pejabat yang menguruskan lawatan orang-orang dari tempat-tempat lain. Dengan membuat urusan dengan pejabat ini yang digelar “Tourist Bureau” orang-orang yang datang melawat boleh dibawa melihat tempat-tempat yang mustahak atau yang menarik hati yang patut dilihat. Saya pun mengambil peluang penjajah itu dan bersama-sama beberapa orang lagi pergilah menziarah sekolah-sekolah gambar, dan mengelilingi bandar New Orleans itu.

Kami telah melalui sebuah jambatan yang panjang menyeberang sungai Mississippi, namanya jambatan itu Huey P. Long (Huey P. Long). Menurut pemandu kami itu

jambatan ini pancangnya empat batu dengan jalan kereta api dan dua batu dengan jalan motor. Dalam pada itu hujan lebih telah turun dan jentera bas kami pun berhenti berjalan. Maka terhentilah perjalanan kami atas jambatan itu betul-betul atas sungai Mississippi yang jauh di bawah, setengah daripada penumpang dalam bas itu sudah berasa bimbang kerana mereka hendak menangkap kereta api waktu petang hendak pergi ke lain tempat. Supaya orang-orang yang berasa bimbang itu suka hati sedikit pemandu kami itu telah menceritakan satu cerita bagaimana jambatan itu telah dibina. Dan lagi kata pemandu kami itu perkara jentera bas berhenti berjalan di atas jambatan itu bukanlah satu perkara yang ganjil, Perkara yang seperti itu telah beberapa kali berlaku dan orang-orang lain pun sudah terlantar juga seperti kami.

Lepas matahari kami telah berhenti sekejap di sebuah kedai makan yang kecil, dan di sini ada dijual makanan yang bernama “Poor Boy”, dalam bahasa Melayu, budak miskin. Rupa makanan itu sebenarnya ialah seperti yang biasa dipanggil “Hot Dog”, iaitu sejenis roti yang dibelah tengah-tengah dan diisi dengan daging, tetapi “Poor Boy” itu mempunyai dua keping daging panjang, bukan sekeping seperti yang ada di dalam “Hot Dog”. Sebelum dapat habis saya makan “Poor Boy” ini bas sudah hendak berjalan dan terpaksa saya lemparkan sahaja yang baki itu.

Kami telah pergi melihat tempat-tempat yang lama lagi bersejarah, misalnya ada sebuah dalam bandar New Orleans itu yang digunakan oleh orang-orang Perancis di situ dahulu sebagai tempat menyelesaikan perkara-perkara kehormatan, atau yang dikatakan ‘Affairs of Honour’ maknanya ialah orang-orang yang bergaduh pergi ke padang itu melawan padang atau melawan tembak. Saya lihat juga dalam

beberapa kawasan di bandar New Orleans itu kubur-kubur orang semuanya tinggi-tinggi belaka. Kata pemandu kami sebabnya kubur-kubur itu ditinggikan ialah kerana tanah New Orleans itu rendah daripada sungai Mississippi dan jika kubur dibuat atas tanah rata ia sekejap sahaja dipenuhi air.

Dalam perjalanan itu, kami melihat sejenis pokok yang diliputi oleh sejenis tumbuhan-tumbuhan seperti rambut rupanya. Pemandu kamu menerangkan bahawa tumbuhan-tumbuhan itu digelar “Janggut Sepanyol” dan digunakan kerana membuat bantal-bantal duduk dan lain-lain. Tanda-tanda peringatan pun banyak juga tetapi nampaknya penduduk-penduduk New Orleans adalah memberi kehormatan yang istimewa kepada seorang ahli kejadian-kejadian asli (*Naturalist*) Amerika yang masyhur yang bernama *Audubon*.

Lain daripada lawatan berpandu itu saya juga telah membuat lawatan sendiri ke beberapa di New Orleans dengan kawan saya orang peranakan jika yang telah saya sebutkan dahulu. Kami telah mandi telah di Teluk Ponchatrain” melawat jospital dan baik kapal suka-suka di sungai Mississippi yang bernama “Presiden”. Di tambatan-tambatan kapal saya lihat kapal-kapal memunggahkan pisang dan dari sini saya mendapat tahu pisang-pisang itu dihantar ke tempat lain di Amerika saya dengar New Orleans yang masyhurnya ialah kopi. Saya pun pergi ke sebuah kedai kopi yang bernama “The Famous Coffee House”, dekat pasar Perancis. Kopi di situ betul bagus, seperti kopi kita di tanah Melayu sen.

Pada hari pukul lapan pagi saya bertolak dari New Orleans dalam perjalanan terus ke Chicago yang letaknya di tebing teluk Michigan di utara Amerika Syarikat.

(sambungan dari muka 9)

sangat tebal, diagakkan dalam bintang “Musytari” kira-kira 18, 700 batu, dikelilingi oleh suatu lapisan pula daripada salji tebalnya 16, 800 batu, yang dikelilingi pula oleh lapisan udara setinggi 7, 800 batu.

Perkara yang tidak syak di dalamnya ialah bahawa kehidupan penduduk bintang-bintang tersebut adalah berlainan daripada kehidupan kita. Sekalian makhluk di dalam bumi kita ini menghabiskan hampir-hampir setengah umur mereka di dalam tidur, sedang penduduk setengah bintang-bintang itu harus mereka tidak tidur sama sekali, dan harus ada pula yang tidur selama-lamanya. Hal ini adalah dipercayai berlaku di dalam bintang yang bernama “Pluto” (Pluto) yang terkapai-kapai di dalam gelap gelita malam, sepanjang-panjang masa.

– al-Hilāl

---

Sudah Terbit!

Penggal Pertama dan Kedua!

Sila pesan kepada:

Qalam Press limited Singapura

Sejarah Khalifah Islam yang Terbilang

‘Umar Ibnu al-Khaṭṭāb

oleh

‘Abdullāh Basmeh

4 Penggal Tamat

Sepenggal \$ 1.20

---